

Orang Asli Kampung Aring 5 minta baiki loji air bersih

B/HARIAN 16/7/19 ms 61

Gua Musang: Lebih 200 penduduk Orang Asli di Kampung Aring 5, dekat sini, meminta Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) membaiki loji air bersih kampung itu yang rosak sejak empat bulan lalu.

Mereka mendakwa, ketika ini penduduk terpaksa mengambil air terus dari tadahan air bukit tanpa melalui proses pembersihan.

Pengerusi Majlis Pengerusan Komuniti Orang Asli (MPKOA) Aring 5, Rama Batu, berkata kerosakan loji itu sudah dirujuk kepada JAKOA, namun setakat ini belum ada tindakan untuk membaikinya.

Katanya, perkara paling membimbangkan adalah kesihatan penduduk yang terpaksa menggunakan air tadahan bukit tanpa proses rawatan dan penapisan.

"Tambahan pula, sejak kebelakangan ini dibangkitkan pula isu Orang Asli mengguna air tercemar sehingga mudah dijangkiti penyakit berjangkit seperti demam campak.

"Kami harap loji proses air di kampung ini dapat dibaiki secepat mungkin



Rama Batu

mengelakkan masalah berkenaan berlarutan lebih lama," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Sementara itu, penduduk, Mazlan Muda, 22, berkata walaupun terpaksa mengguna air tadahan bukit bagi kegunaan harian penduduk kampung itu, bekalannya tidak pernah terputus.

Namun, katanya, kebimbangan apabila menggunakan air itu untuk tujuan minum dan memasak tanpa melalui proses pembersihan.

"Kanak-kanak Orang Asli mengamalkan minum terus air daripada tadahan air bukit seperti diamalkan sebelum ini melalui loji air.

"Kini ibu bapa rasa tidak

selamat menggunakan air tadahan bukit itu kerana loji air rosak yang dibe-kalkan ke rumah penduduk," katanya.

Dalam perkembangan lain, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Gua Musang, Hizani Ibrahim, berkata dua lagi Orang Asli suku Batek yang ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Etnobotani di sini, akibat dijangkiti demam campak dibenarkan pulang, kelmarin.

Setakat ini, hanya lima penduduk yang dibenarkan keluar termasuk tiga orang pada Khamis lalu selepas mendapati mereka bebas daripada jangkitan demam campak.

Berikutan itu, 168 Orang Asli masih ditempatkan PPS terbabit selepas selesai menerima rawatan di Hospital Gua Musang dan Hospital Kuala Krai.

"Bilangan Orang Asli suku Batek Kuala Koh yang ditempatkan sementara di PPS berkurangan daripada 173 pada Jumaat lalu berkurangan kepada 168 orang petang semalam (kelmarin)," katanya.